## PERBADANAN MELAKA (MCORP)

## KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

**Kontraktor Tempatan Gred G2** yang **berpengalaman serta berkeupayaan** dengan pendaftaran di dalam kod bidang yang berkaitan dan masih sah laku tempohnya adalah dipelawa untuk tawaran sebutharga kerja seperti berikut :-

| BIL | TAJUK KERJA | TARIKH | | |
|---|---|---|---|---|
| | | SEBUTHARGA DI PEROLEHI | KOD BIDANG PENDAFTARAN/ KATEGORI | TUTUP SEBUTHARGA |
| i. | **MCORP/SH/7-2026**<br>**SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA MENAIKTARAF DEWAN TERBUKA DAN KEMUDAHAN EKOPELANCONGAN DI TAMAN EKO RIMBA BUKIT BATU LEBAH, JASIN, MELAKA.**<br><br>**LAWATAN TAPAK**<br>**(Diwajibkan)**<br><br>**16 Februari 2026 (Isnin) JAM: 10.30 Pagi**<br><br>**TEMPAT: Berkumpul di Taman Eko Rimba Bukit Batu Lebah** | **17 Februari 2026 Sehingga 24 Februari 2026**<br><br>**Di Laman Web https://stom.melaka.gov.my/**<br><br>**HARGA DOKUMEN RM30.00** | **Mempunyai Sijil SPKK dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIM/CIDB)**<br><br>**Gred G2**<br><br>**Kategori B (Bangunan)**<br><br>**Pengkhususan B28 (Kerja-Kerja Ubahsuai)** | **02 Mac 2026 (Isnin)**<br><br>**Pada atau sebelum 12.00 tengahari dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Aras 4, MCORP. (Dokumen yang lewat hantar tidak akan dipertimbangkan)** |

2. Kerja-Kerja sebutharga ini adalah terbuka kepada kontraktor tempatan yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) seperti yang dinyatakan di dalam jadual di atas.

3. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** dan akan dicatat oleh Pegawai Perbadanan Melaka di tapak / premis berkenaan. **HANYA PENAMA** di dalam Perakuan Pendaftaran yang berkaitan sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebutharga. Kontraktor / Syarikat **tidak boleh** mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dinyatakan di dalam sijil pendaftaran berkaitan.

4. Pelaksanaan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC) adalah diwajibkan kepada Kontraktor / Syarikat. Sijil Pematuhan adalah menjadi dokumen wajib dan perlu dikemukakan bersama tawaran sebutharga.